

Benteng RM2.26j elak banjir

Tampin: Mulai bulan depan, penduduk yang tinggal berhampiran sungai atau kawasan rendah boleh menarik nafas lega apabila masalah banjir kilat yang melanda bakal diselesaikan.

Sedang giat dijalankan

Pegawai Daerah Tampin, Razali Bakar, berkata kerja membina benteng bagi menghalang limpahan air sungai dengan kos RM2.26 juta sedang giat dijalankan.

Katanya, peruntukan daripada Kerajaan Pusat itu sudah disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah supaya

projek itu dapat dilaksanakan dengan baik demi keselamatan rakyat.

“*Kawasan yang paling teruk dilanda banjir di Taman Sungai Gemas. Tetapi kini, penduduk **tidak lagi perlu bimbang** kerana kerja menggali, mendalam serta membina benteng dengan kos RM1.4 juta sudah siap sepenuhnya”*

Razali Bakar,
Pegawai Daerah
Tampin

serta membina tembok penahan banjir sepanjang 250 meter sedang disiapkan di Taman Semarak II, Air Kuning Selatan.

Naik taraf jambatan

“Pada masa sama, kerja menaik taraf jambatan di kawasan berkenaan sedang giat dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya akhir Oktober depan.

“Projek lain yang dijangka siap bulan depan di DUN Gemas antaranya membina benteng tanah sepanjang 300 meter di Kampung Baru Tiong dan menggali, mendalam sungai serta membina longkang sepanjang 150 meter di FELDA Jelai 4,” katanya.



Razali Bakar